

Bangkit dari kemunduran kerjaya dengan **Skim Bantuan Pencari Kerja SkillsFuture (JS)**

Sama ada anda menghadiri acara kerjaya, mendapatkan nasihat mencari kerja atau mendaftar untuk menjalani latihan bagi mencari peluang pekerjaan seterusnya, kami ada di sini untuk membantu anda bangkit semula dengan lebih kukuh.



Untuk maklumat lanjut
tentang skim JS, layari
go.gov.sg/wsg-jsscheme



Bagi pencari kerja berumur
21 tahun ke atas, **yang
berpendapatan purata
gaji kasar bulanan
≤ \$5,000 dalam tempoh
12 bulan yang lalu**



Bagi pencari kerja yang
tinggal di hartanah
di Singapura dengan
**Nilai Tahunan tidak
melebihi \$31,000**



Bagi pencari kerja yang
**menganggur secara
terpaksa atas sebab-sebab**
seperti pemberhentian kerja,
penutupan perniagaan,
pemecatan atau diberhentikan
kerja kerana sakit, kecederaan
atau kemalangan



Pemohon harus
**aktif mencari
pekerjaan dan
latihan** untuk
mendapatkan
semula pekerjaan

Mengenai skim ini

Menghadapi kehilangan pekerjaan secara tiba-tiba boleh mendatangkan cabaran, namun ia bukan keadaan yang berkekalan dan boleh membuka peluang untuk kemajuan dan permulaan baharu.

Skim Bantuan Pencari Kerja SkillsFuture (JS) menawarkan bantuan kewangan sementara sehingga \$6,000 sepanjang 6 bulan untuk pencari kerja yang menganggur secara terpaksa dan sedang mencari pekerjaan secara aktif.

Rakan anda dalam peralihan kerjaya

Sedang anda memulakan perjalanan ini, Agensi Tenaga Kerja Singapura (WSG) bersedia untuk melengkapkan anda dengan alat-alat dan sumber untuk memastikan kerjaya anda kembali ke landasan yang betul.

Kekalkan tekad dan bersikap proaktif. Peluang seterusnya menanti anda.



Maklumat adalah tepat pada masa cetakan.

Siapa yang boleh memohon?



Pencari kerja berumur 21 tahun ke atas¹, yang berpendapatan purata gaji kasar bulanan $\leq \$5,000^*$ dalam tempoh 12 bulan yang lalu



Pernah bekerja di Singapura untuk sekurang-kurangnya 6 bulan dalam tempoh 12 bulan yang lalu



Menjadi penganggur secara terpaksa atas sebab-sebab seperti pemberhentian kerja, penutupan perniagaan, pemecatan atau diberhentikan kerja kerana sakit, kecederaan atau kemalangan



Tinggal di hartanah di Singapura dengan Nilai Tahunan^{**} tidak melebihi \$31,000



¹Permohonan untuk warga Singapura dibuka mulai April 2025. Penduduk Tetap boleh memohon pada S1 2026.

^{*}Termasuk bonus, elaun dan bayaran bagi kerja lebih masa sebelum caruman CPF.

^{**}Anda boleh mengetahui Nilai Tahunan harta kediaman anda melalui portal IRAS atau melalui Myinfo menggunakan Singpass. Nilai Tahunan HDB biasanya di bawah \$21,000, manakala beberapa hartanah privet bernilai rendah mempunyai Nilai Tahunan antara \$21,000 dan \$31,000.

Maklumat adalah tepat pada masa cetakan.

Bagaimana cara saya memohon?



Sediakan dokumen-dokumen berikut sebelum anda memohon:

- Surat rasmi atau notis pemberhentian/pemecatan oleh bekas majikan
- Sejarah transaksi CPF bagi 15 bulan yang lalu
- Jika anda diberhentikan atas sebab perubatan, sila berikan sijil perubatan atau surat rasmi daripada institusi perubatan/doktor

Kami akan menghubungi majikan terdahulu anda untuk mengesahkan maklumat yang anda berikan. Memproses permohonan mungkin mengambil masa sehingga 10 hari. Anda akan dimaklumkan tentang keputusan permohonan melalui e-mel.

Layari go.gov.sg/jsscheme-eligibility atau imbas di sini untuk menyemak kelayakan anda dan memohon menggunakan Singpass anda. Ia mengambil masa kira-kira 10 minit.



Perlu bercakap dengan seseorang?




Untuk bercakap dengan seseorang mengenai Skim Bantuan Pencari Kerja SkillsFuture, sila hubungi kami di talian **6883 5885**.

Sebagai alternatif, sila layari go.gov.sg/jsscheme-locations atau imbas kod QR untuk melihat senarai lokasi terkini.



Apakah yang perlu saya lakukan selepas permohonan saya diluluskan?

Mulakan aktiviti mencari pekerjaan untuk mula mendapatkan mata di bawah skim ini. Apabila anda mencapai sasaran mata bulanan, pembayaran akan diproses dan dibayar ke akaun PayNow-NRIC anda. Sila lihat di bawah untuk butiran lanjut tentang struktur pembayaran.



Jika purata gaji kasar bulanan anda yang lalu lebih rendah daripada jumlah yang disenaraikan, anda akan menerima purata gaji kasar bulanan anda yang lalu. Contohnya, pencari kerja yang sebelumnya mendapat purata gaji kasar bulanan yang lalu sebanyak \$900, tidak akan menerima lebih daripada \$900 menerusi pembayaran bulanan.

Untuk menyokong pencari kerja dalam usaha mencari pekerjaan yang menggunakan kemahiran dan pengalaman mereka dengan lebih baik, pemohon yang layak boleh menerima bantuan kewangan sementara sehingga \$6,000 dalam tempoh 6 bulan.

Bayaran bulanan ini dihadkan pada pendapatan purata kasar bulanan pencari kerja yang lalu. Pembayaran bulanan berhenti apabila pencari kerja mendapat pekerjaan.

Bagaimana saya boleh mendapatkan mata?

Pencari kerja boleh menerima bayaran apabila mereka memainkan peranan masing-masing dalam perjalanan mencari kerja, dengan mengambil bahagian secara aktif, dalam sistem berasaskan aktiviti (iaitu sekurang-kurangnya 10 mata/bulan untuk 3 bulan pertama, dan sekurang-kurangnya 5 mata/bulan untuk 3 bulan berikutnya).


Terdapat had pada berapa kali anda boleh mendapat mata daripada aktiviti ini setiap bulan, kecuali yang ditandakan sebagai 'Tiada had-TH'.


Untuk mendapatkan mata, anda perlu mengisytiharkan setiap aktiviti yang telah diselesaikan, dengan memuat naik dokumen sokongan ke portal skim JS, seperti menunjukkan tarikh selesai setiap aktiviti atau pendaftaran ke dalam sesuatu kursus. Sila rujuk kepada portal berkenaan tentang cara mengemukakan bukti.

Mata Mata setiap aktiviti yang telah selesai

TH Tiada had

Bilangan maksimum anda boleh mendapat mata daripada aktiviti ini setiap bulan

Mendaftar dengan agensi pekerjaan  1mata 1x	Menghadiri Khidmat Nasihat Kemahiran dan Latihan atau Khidmat Nasihat SkillsFuture oleh SkillsFuture Singapura  1mata 1x	Melayari atau melanggan pelbagai kandungan berkaitan kerjaya seperti CareersCompass by MyCareersFuture  1mata 2x
Memohon untuk Program Penukaran Kerjaya WSG atau Program Laluan Pertengahan Kerjaya  1mata 3x	Menghantar permohonan kerja di MyCareersFuture atau portal pekerjaan lain  1mata 5x	

Menghadiri kursus latihan yang disenaraikan di MySkillsFuture  2mata 1x	Mengemas kini resume anda di portal pekerjaan dalam talian  2mata 1x	
Merancang kerjaya anda dengan kuiz CareersFinder  2mata 1x	Menghadiri acara, bengkel atau seminar berkaitan kerjaya  2mata 3x	Menyertai program sukarelawan berkaitan pekerjaan  2mata TH
Berhubung dengan ahli profesional industri  3mata 1x	Menghadiri sesi bimbingan kerjaya atau khidmat nasihat  4mata 1x	Menghadiri temu duga kerja  4mata TH

Apa lagi yang perlu saya ketahui tentang skim ini?

1 Bagaimanakah “pengangguran secara terpaksa” didefinisikan?

Pencari kerja dianggap sebagai “menganggur secara terpaksa” jika beliau tidak memilih untuk meninggalkan pekerjaan terakhirnya, iaitu bukan inisiatif beliau untuk menamatkan kontrak pekerjaan dengan majikannya.

Contoh-contoh termasuk pemberhentian kerja, penutupan perniagaan dan pemecatan oleh majikan (cth. tidak dapat melaksanakan peranan yang sama secara fizikal).



2 Bagaimanakah saya boleh mengetahui sama ada saya memenuhi kriteria menetap di hartanah dengan Nilai Tahunan \$31,000 ke bawah?

Anda boleh mengetahui Nilai Tahunan harta kediaman anda melalui portal IRAS atau melalui Myinfo menggunakan Singpass.



Nilai Tahunan HDB biasanya berada di bawah \$21,000 manakala beberapa hartanah privet bernilai rendah mempunyai Nilai Tahunan antara \$21,000 dan \$31,000.

3 Saya menerima sokongan daripada program pemerintah yang lain (cth. menerima elaun latihan daripada Program Peralihan Kerjaya SkillsFuture). Adakah saya masih layak untuk skim ini?


Ya, jika anda memenuhi kriteria kelayakan, anda masih layak untuk skim ini sambil menerima sokongan daripada program pemerintah yang lain.

4 Jika saya telah menganggur secara terpaksa tetapi telah mencapai umur persaraan atau umur pengambilan bekerja semula, adakah saya layak untuk skim ini?

Ya, anda layak jika anda memenuhi kriteria kelayakan skim ini. Tiada had umur maksimum.

5 Bagaimana jika saya tidak memenuhi kriteria kelayakan, tetapi saya masih memerlukan bantuan?

Anda boleh mendaftar untuk mendapatkan perkhidmatan sokongan kerjaya melalui WSG dalam talian atau pergi ke pusat kerjaya WSG dan e2i. Anda juga boleh melayari SupportGoWhere untuk mendapatkan senarai khidmat bantuan daripada pemerintah.



Maklumat adalah tepat pada masa cetakan.

Di mana saya boleh mendapatkan sokongan tambahan?

Bagi mereka yang memerlukan bantuan tambahan, layari go.gov.sg/jsscheme-supportgowhere untuk mendapatkan senarai komprehensif khidmat sokongan daripada pemerintah.



Anda juga boleh muat turun **aplikasi LifeSG** untuk mengakses senarai tersebut melalui telefon bimbit anda.



Maklumat adalah tepat pada masa cetakan.

Sokongan dan sumber kerja yang lain

Ketik pada alat dan perkhidmatan WSG untuk mendapatkan sokongan dan bimbingan yang diperlukan untuk mengembalikan kerja anda ke landasan yang betul. Layari go.gov.sg/jsscheme-careermatching untuk mendapatkan maklumat lanjut.



Muat turun pek permulaan resume dan temu duga untuk membantu anda memulakan proses pencarian kerja. Baca lebih lanjut di go.gov.sg/jsscheme-starterpack.

